

Paip karat jejas kualiti air

Syabas sentiasa pantau keadaan demi kesihatan pengguna di Lembah Klang

TANJONG KARANG – Sistem paip dalaman di setiap unit rumah penduduk yang tidak diselenggara dengan baik dilihat menjadi salah satu faktor kualiti air terjejas berikutan penggunaan paip jenis Galvanised Iron (GI) berkarat tanpa disedari pengguna.

Selain sistem paip, tangki simpanan air yang mengandungi banyak bahan asing termasuk karat secara langsung turut menjejaskan kualiti air bersih yang dibekalkan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas).

Pengarah Eksekutif, Hal Ehwal Korporat, Abdul Halem Mat Som, bagi membendung masalah itu terus berlaku, Syabas sentiasa memastikan tindakan segera diambil bagi menyelesaikan masalah kualiti air seperti termaktub di dalam Piagam Pelanggan.

"Sebagai pembekal air ter-

besar di negara ini, Syabas sentiasa mengadakan pemantauan terhadap kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna selain melaksanakan pelbagai program peningkatan kualiti air di seluruh Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Antara program yang dilaksanakan secara berkala adalah Pencucian Kolam, Program Air Scouring dan Program Penggantian Paip Perhubungan bagi menjamin kualiti air yang dibekalkan mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Sejumlah 1,000 contoh air akan diambil setiap bulan oleh pihak Jabatan Kimia dan Kementerian Kesihatan Malaysia dari stesen percontohan air Syabas di seluruh Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya.

Abdul Halem berkata,



Kakitangan JPS Tanjong Karang mendengar penerangan kualiti air sempena Program Majlis Ramah Mesra dan Kesedaran Pengguna Mengenai Kualiti Air di JPS Tanjong Karang.

Syabas menerusi Jabatan Kualiti Air juga turut melakukan ujian percontohan air secara berterusan melalui makmal bebas yang bertauliah bagi memastikan hanya bekalan air berkualiti sahaja yang disalur-

kan kepada pengguna.

"Saya berharap mutu perkhidmatan pembekalan air dan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan Syabas dapat dipertingkatkan," katanya dalam satu kenyataan.

an sempena Program Majlis Ramah Mesra dan Kesedaran Pengguna Mengenai Kualiti Air di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Tanjong Karang.

Dalam program itu, seramai 50 kakitangan JPS di-

dedahkan mengenai peranan Syabas dalam memastikan kualiti air yang disalurkan kepada lebih daripada 7.5 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sentiasa dalam tahap yang terbaik.

Selain dapat beramah mesra dengan kakitangan JPS, program ini juga turut memuatkan aktiviti lain seperti demonstrasi pemeriksaan kualiti air yang merangkumi pemeriksaan fizikal, kandungan bakteria dan kimia bagi memastikan air yang disalurkan benar-benar bersih dan berkualiti.

Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan kesedaran pengguna berhubung sistem bekalan dan kualiti air Syabas dan program ini adalah aktiviti berterusan semenjak Syabas mengambil alih perkhidmatan pembekalan air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.